



Headline	13 syarikat jimat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	324,097
Page No	41	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	181 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,205
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,820



KERJASAMA...Ongkili (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Abdul Wahab (kiri) dengan Prof Dr Johari Adnan dari UniMAP, semalam.

# 13 syarikat jimat

**P**ERJANJIAN persefahaman bagi perkhidmatan perkongsian mengenai kegagalan analisis dan ujian 'wafer' antara Mimos Berhad (Mimos) dan 13 syarikat industri elektrik serta elektronik (E&E) membolehkan syarikat terbabit mengurangkan kos pengeluaran sehingga 35 peratus.

Syarikat berkenaan juga tidak perlu bergantung kepada kemudahan makmal yang terdapat di luar negara, selain dapat meningkatkan produktiviti syarikat pada masa depan.

Menteri Sains, Teknologi

dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, berkata menerusi perjanjian itu, 13 syarikat berkenaan akan menggunakan kemudahan makmal Mimos bagi menjalankan ujian berkenaan.

"Kira-kira 80 peratus syarikat tempatan terpaksa melakukan ujian di luar negara seperti Jepun, Taiwan, Singapura dan China dengan perbelanjaan purata lebih RM10 juta setahun," katanya pada sidang media selepas menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian dengan 13 syarikat dan universiti di Putrajaya, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Mimos Berhad, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Syarikat berkenaan adalah MyMs, Symmid, KeyASIC, PHY Semiconductor, Infineon Technologies, Iris Technologies, Sensata Technologies, EFGO Scientific, Stratsec.Net, Quantum Electro Opto Systems, Image Transforma, Avantor Materials dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).